

30 JAN 2003

Mahathir-Kempen/I

S'PURA PERSALAHKAN M'SIA UNTUK ALIH PERHATIAN RAKYATNYA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Singapura menjadikan Malaysia sebagai sasaran dalam kempen bencinya untuk mengalihkan perhatian penduduk negara jiran itu daripada masalah dalaman serius yang dihadapinya sekarang ini.

Perdana Menteri berkata, keadaan ekonomi yang meruncing di Singapura dan ditambah dengan kerugian yang dialami republik itu akibat pelaburan kurang bijak menyebabkan kerajaan Singapura mempersalahkan Malaysia.

Ini akan menyebabkan rakyat Singapura memikirkan hal-hal lain di sebalik keadaan sukar yang dialami oleh mereka dan soal kesejahteraan mereka.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, Dr Mahathir berkata "Sebab mengapa mereka kini bercakap mengenai kedaulatan, harga air, Malaysia bertindak agresif ialah kerana masalah dalaman mereka.

"Majlis Tertinggi memutuskan yang kita tidak akan terikut-ikut dengan karenah mereka untuk membantu mengatasi masalah mereka. Mereka boleh uruskan sendiri masalah mereka.

"Saya yakin mereka mereka orang bijak. Kita tidak akan menjadi sasaran kempen benci mereka."

Mengulas mengenai nasib malang yang menimpa ekonomi pulau republik itu, Perdana Menteri berkata ekonomi negara itu tidak berkembang malah mencatatkan pertumbuhan negatif dan berlaku banyak kes pengangguran dengan rakyatnya secara umum kurang senang dengan keadaan mereka.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat milik kerajaan Singapura juga mengalami kerugian besar menerusi pelaburan dalam syarikat-syarikat seperti Enron, Virgin Airlines, New Zealand Airlines serta menerusi pelaburan mereka di China.

Beliau berkata Singapura juga mungkin kecewa kerana pemindahan operasi syarikat perkapalan besar seperti Maersk dan Evergreen ke pelabuhan Malaysia.

"Mereka kerugian berbilion dollar dan di Singapura, perkara seperti itu tidak boleh dibincangkan secara umum. Akhbar mereka tidak boleh melaporkan mengenai kerugian itu.

"Maka ini menyebabkan Singapura memberi tumpuan kepada perkara lain bagi mengalih perhatian rakyatnya."

Selain daripada masalah ekonomi, Dr Mahathir berkata terdapat bukti mengenai adanya puak-puak dalam PAP yang memerintah Singapura dengan setiap puak berusaha menonjolkan diri sebagai lebih "Singapura" dan lebih agresif menyerang Malaysia berbanding yang lain.

Perdana Menteri berkata bagaimanapun Malaysia menganggap rakyat Singapura sebagai jiran, rakan malah saudara kerana hubungan yang erat di antara mereka.

Beliau menjelaskan bahawa Malaysia tidak bersengketa dengan Singapura dan tidak berhasrat berperang dengan mereka seperti yang menjadi perbincangan laman web Pemuda PAP.

"Kita berpendapat percakapan mengenai perang dan kedaulatan perlu dihentikan. Kita tidak akan menggugat kedaulatan Singapura. Mereka sebuah negara yang merdeka, kita mempunyai pesuruhjaya tinggi di sana dan mereka mempunyai pesuruhjaya tinggi di sini.

"Tidak ada sebab kita akan menakluk mereka atau berbuat sesuatu terhadap mereka, jauh sekali berperang kerana, anda pun tahu, Singapura

sebuah pulau yang padat. Apa sahaja yang ditunjukkan ke Singapura akan turut memusnahkan ramai yang tidak bersalah," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak berkecimpung dalam kegiatan membunuh orang yang tidak bersalah.

"Kita tidak mempunyai niat untuk mencederakan rakyat Singapura, ramai yang mempunyai hubungan persaudaraan dengan rakyat Malaysia. Kebanyakan daripada mereka, malah di kalangan pemimpin, berasal dari Malaysia. Itu adalah pandangan kita," katanya.

Daripada segi lain, Dr Mahathir berkata Malaysia menyambut baik kemasukan pelancong dan pelabur Singapura, dan menggalakkan mereka membeli hartanah di negara ini.

"Mereka adalah pelancong yang baik di Malaysia dan menyumbang kepada ekonomi kita. Dan saya percaya menghuni sebuah pulau yang kecil tentu menekan pemikiran.

"Tentu sekali mereka perlu keluar. Jika mereka mahu ke (pulau) Bintan dan Batam, tiada masalah. Kita tidak membantah. Tetapi jika mereka mahu ke Malaysia, silakan, tolong beritahu rakan-rakan Singapura kita bahawa kita tidak ada masalah dengan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Singapura juga boleh menikmati pemanduan di jalan-jalan raya panjang di Malaysia di mana mereka akan mendapat layanan sama seperti pengguna yang lain.

"Kita tidak akan berusaha memenangi perdebatan dengan mereka atau cuba menaikkan tagan dan berperang mulut. Sama sekali tidak. Ini adalah pandangan Majlis Tertinggi di mana para anggotanya telah memberikan pendapat yang berterus-terang dan inilah rumusan MT," katanya mengenai perbezaan antara kedua-dua buah negara.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata Singapura mempunyai sikap "kiasu" di mana mereka takut menerima kekalahan.

"Mereka tak pernah kalah. Mereka punya sikap kiasu, takut kalah. Jadi bila dia kalah, dia tak tahu nak react. Kita tidak mahu menyertai permainan mereka ini," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus memberi penjelasan berhubung isu-isu berkaitan hubungannya dengan Singapura apabila perlu dan ia tidak akan dilakukan dengan cara agresif.

-- BERNAMA
MAM MAM MOZ